

Mesyuarat Pengurusan Kualiti APB & Mesyuarat APB UiTM CPP

oleh Marni Jamil

Buat julung-julung kalinya, Unit Pengurusan Kualiti & Akreditasi Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) berbesar hati untuk mengadakan perjumpaan bersama-sama pensyarah Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM CPP bagi memberi ruang khusus kepada pensyarah untuk mengutarakan persoalan dan pendapat susulan daripada taklimat semasa Program Amalan Kualiti @ UiTM CPP - "Melestarikan Pembudayaan Kualiti" yang diadakan melalui saluran YouTube rasmi UiTM CPP pada 4 Oktober 2021.

Mesyuarat yang menghimpunkan para pensyarah APB UiTM CPP ini telah diadakan secara bersemuka pada 25 Januari 2022 dari jam 9.00 pagi sehingga 12 tengah hari. Mesyuarat yang diadakan di Bilik Perdana 1, Kompleks Perdana ini telah dilangsungkan dengan mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan bagi membincangkan proses memudahcara penyediaan dokumen portfolio pengajaran digital (*e-teaching portfolio*) dan *portfolio kursus digital (e-course file)*.

Encik Mohd Yazed Abd Razak merangkap Timbalan Pendaftar Kanan serta Dr. Lily Nyl Ismail selaku Ketua Unit Kualiti, Unit Pengurusan Kualiti & Akreditasi UiTM CPP turut hadir untuk memberikan penerangan serta cadangan penambahbaikan bagi perkara berkaitan pengurusan kualiti di peringkat APB UiTM CPP. Perkara utama yang disarankan oleh Dr. Lily Nyl adalah berkenaan penyediaan dokumen dengan

mengguna pakai format baharu yang telah diperkenalkan pada awal tahun 2021. Menyedari akan kekangan dan komitmen tugas hakiki pensyarah bahasa ketiga yang tinggi, Unit Pengurusan Kualiti & Akreditasi dan Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM CPP bersedia untuk menawarkan perkhidmatan dua orang kerani sebagai alternatif pengurusan dan penyediaan dokumen-dokumen berkaitan. Para pensyarah turut berpeluang untuk mendapatkan penerangan yang lebih mendalam daripada tetamu-tetamu yang hadir semasa sesi soal-jawab.

Pada akhir perbincangan ini, Cik Marni Jamil selaku Pengurus Kualiti APB UiTM CPP turut berpeluang membuat penerangan mengenai tatacara pengurusan kualiti yang lebih sistematik pada peringkat jabatan. Antara perkara utama yang ditekankan ialah kepentingan menjaga dan memelihara kerahsiaan dokumen rasmi jabatan agar perkongsian dokumen secara dalam talian dapat dilakukan dengan selamat. Selain itu, borang senarai semak yang komprehensif serta ruang maklum balas dan akuan oleh pemilih dokumen yang bakal diguna pakai pada bulan Mac 2022 juga diperkenalkan semasa sesi tersebut. Beliau turut menerangkan carta alir proses semakan dokumen serta skop kerja Ahli Jawatankuasa Unit Kualiti APB UiTM CPP serta tindakan oleh pihak yang berkenaan termasuk Ketua Pusat Pengajian, Pengurus Kualiti dan pensyarah-pensyarah APB UiTM CPP bagi mendukung nilai-nilai iDART UiTM.



Dr. Lily Nyl dan En. Mohd Yazed bersama para pensyarah APB ketika mesyuarat.